



MANUAL KHUTBAH JUMAAT




TAJUK ;
TERCAPAIKAH
MATLAMAT RAMADHAN
KITA



ISLAMIC - SALVOUR - OBEDIENCE

Unit Khutbah
Bahagian Pengurusan Masjid
Jabatan Agama Islam Selangor





"TERCAPAIKAH MATLAMAT RAMADHAN KITA".1

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿١٨٣﴾</p>	2
<p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى ءَالِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.</p>	3
<p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.</p>	4
<p>قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ، وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾</p>	
<p>Muslimin yang dirahmati Allah SWT,</p> <p>Khatib ingin berpesan kepada diri sendiri dan seterusnya memanjangkan pesanan ini kepada hadirin Jumaat sekalian, marilah kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya serta meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita memperoleh kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat.</p>	5
<p>Marilah kita menghayati khutbah pada hari ini yang bertajuk "TERCAPAIKAH MATLAMAT RAMADHAN KITA".</p> <p>Muslimin yang dirahmati,</p>	6



Hari ini kita telah pun berada di Bulan Syawwal. Bagi orang yang beriman, mereka akan merasa sedih kerana Ramadhan telah pergi meninggalkan mereka, sebaliknya bagi orang yang kurang imannya, mereka akan bergembira dengan berlalunya Ramadhan, kerana bagi mereka akan hilangny kesusahan berpuasa hampir 14 jam sehari, bangun sahur, berdiri lama dalam solat terawih dan malakukan ibadah-ibadah yang lain.

7

Sedarlah bahawa Ramadhan merupakan madrasah atau pusat latihan bagi memupuk keimanan melalui tarbiyah fizikal dan rohani. Secara zahirnya, fizikal orang yang berpuasa adalah lebih baik dari keadaan fizikal orang yang perutnya sentiasa kenyang. Rasulullah SAW sendiri sering memilih berpuasa atau mengosongkan perutnya untuk tujuan beribadah kepada Allah SWT. Baginda menyatakan bahawa perut yang kosong akan memudahkan untuk mengawal hawa nafsu. Sedangkan kerosakan dan kebinasaan kepada kehidupan manusia di dunia ini banyak didorong oleh pengaruh hawa nafsu yang tidak terkawal.

8

Hal ini diterangkan oleh Allah SWT dalam surah Yusuf ayat 53;

﴿ وَمَا أُبْرِئُ نَفْسِي ۚ إِنَّ النَّفْسَ لَأَمَّارَةٌ بِالسُّوءِ ۗ إِلَّا مَا رَحِمَ رَبِّي ۚ إِنَّ ۝

9

رَبِّي غَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿٥٣﴾

"Dan aku tidak membebaskan diriku (dari kesalahan), kerana sesungguhnya nafsu itu selalu menyuruh kepada kejahatan, kecuali nafsu yang diberi rahmat oleh Tuhanku. Sesungguhnya Tuhanku Maha Pengampun lagi Maha Penyanyang."

10



<p>Marilah kita bermuhasabah dan menilai kembali Ramadhan yang akan meninggalkan kita dengan datangnya Syawal. Kita melihat kelaziman yang berlaku apabila datangnya Syawal maka masjid kembali sunyi daripada ahli kariah, solat berjamaah semakin kurang bilangan safnya, al-Quran kembali tersusun rapi ibarat suci dalam debu, fakir miskin dan anak-anak yatim kembali tidak disantuni. Persoalannya, mengapakah nafsu yang terdidik sepanjang Ramadhan gagal untuk diterjemahkan diluar Ramadhan? Seharusnya tarbiyah Ramadhan mampu meninggalkan kesan yang besar kepada umat Islam yang melalui madrasah Ramadhan tetapi sebaliknya pula yang berlaku. Di manakah silapnya?</p>	11
<p>Orang yang mempunyai hala tuju dalam kehidupan dan amal akhiratnya, maka kita melihat kehidupannya samada dalam Ramadhan atau diluar Ramadhan sentiasa terarah dan terpandu kepada perkara-perkara kebaikan dan amal akhirat.</p>	12
<p>Khatib teringat kata-kata Prof Dr. Yusuf al-Qaradhawi:</p> <p style="text-align: center;">كُونُوا رَبَّانِيِّينَ وَلَا تَكُونُوا رَمْضَانِيِّينَ</p> <p><i>"Jadilah kamu hamba Allah yang Rabbani dan janganlah kamu menjadi hamba Ramadhan"</i></p>	13



Orang yang menjadi hamba Allah akan sentiasa istiqamah dalam amalannya sama ada di dalam atau diluar Ramadhan. Jika dalam bulan Ramadhan mereka istiqamah berzikir, berwirid, membaca al-Quran dan mentadabbur maknanya serta mengkhatamkannya beberapa kali, sering bangun tahajud, bersedekah, menjamu orang makan dan berbuka puasa, solat berjamaah dan amal-amal yang lain, maka begitulah juga yang dilakukan ketika berada dibulan-bulan lain diluar Ramadhan, kerana ia memahami bahawa dirinya adalah hamba Allah bukannya hamba Ramadhan. Malangnya!!, bagi orang yang menjadi hamba Ramadhan, maka kita melihat mereka hanya bersungguh-sungguh melakukan amal ibadah hanya dalam Ramadhan, sebaliknya apabila berada di luar Ramadhan mereka kembali lesu dan tidak bersemangat untuk membaca al-Quran, bersedekah, solat berjamaah dan amal-amal lainnya.

14

Justeru, pastikanlah diri kita menjadi orang yang berilmu dan memahami peranan serta tujuan kita diciptakan atas muka bumi ini berdasarkan firman Allah SWT dalam surah Az-Zaariyat ayat 56;

﴿٥٦﴾ وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ

"Dan aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan supaya mereka mengabdikan kepadaKu."

15

Jika kita perhatikan kembali, banyak amalan baik yang telah kita lakukan sepanjang berada dalam bulan Ramadhan. Maka, teruskanlah istiqamah melakukan amal-amal tersebut supaya keberadaan kita dibulan-bulan di luar Ramadhan sama semangatnya seperti kita berada dalam bulan Ramadhan.

16



Janji Allah kepada orang-orang yang istiqamah ialah firmanNya dalam surah Fussilat ayat 30;

إِنَّ الَّذِينَ قَالُوا رَبُّنَا اللَّهُ ثُمَّ اسْتَقَمُوا تَتَنَزَّلُ عَلَيْهِمُ الْمَلَائِكَةُ أَلَّا تَخَافُوا وَلَا تَحْزَنُوا وَأَبْشِرُوا بِالْجَنَّةِ الَّتِي كُنْتُمْ تُوعَدُونَ ﴿٣٠﴾

17

"Sesungguhnya orang-orang yang mengatakan: "Tuhan kami ialah Allah" kemudian mereka meneguhkan pendirian mereka, maka malaikat akan turun kepada mereka dengan mengatakan: "Janganlah kamu takut dan janganlah merasa sedih; dan gembirakanlah mereka dengan jannah yang telah dijanjikan Allah kepadamu."

18

Mudah-mudahan kita tidak terlupa akan segala nikmat ketika berada di bulan Ramadhan dengan meningkatkan amal ibadah dan bersungguh-sungguh melaksanakannya kerana itu adalah sebagai tanda betapa Ramadhan amat berkesan dalam sanubari kita.

19

Hadirin Jumaat yang dimuliakan,



Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita mengambil beberapa taujihat yang boleh dihayati dan dijadikan amalan bersama;

1. Umat Islam hendaklah meyakini bahawa segala perkara yang dilakukan sama ada baik atau buruk di atas dunia akan mendapat balasan daripada Allah SWT di akhirat nanti.
2. Umat Islam hendaklah istiqamah melakukan segala amalan soleh sama ada dalam bulan Ramadhan atau bulan-bulan di luar Ramadhan.
3. Umat Islam hendaklah bersabar dalam menghadapi ujian daripada Allah SWT seperti mana sabarnya ketika berpuasa dengan menahan diri daripada lapar dan dahaga serta runtunan nafsu syahwat.

20

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
مَنْ عَمِلَ صَالِحًا فَلِنَفْسِهِ ۖ وَمَنْ أَسَاءَ فَعَلَيْهَا ۖ ثُمَّ إِلَىٰ رَبِّكُمْ تُرْجَعُونَ

21



"Barangsiapa yang mengerjakan amal soleh, maka itu adalah untuk dirinya sendiri, dan barangsiapa yang mengerjakan kejahatan, maka itu akan menimpa dirinya sendiri, kemudian kepada Tuhanmulah kamu dikembalikan."

22

(Al-Jathiyah ayat 15)

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

30

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

31



KHUTBAH KEDUA

1	الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
2	وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
3	أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
4	Marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah SWT dengan melakukan ketaatan kepada-Nya dan menjauhkan diri daripada perbuatan keji dan maksiat.
5	إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾
6	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
7	اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.
8	اللَّهُمَّ اعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ.



اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَتَحْفَظَ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ،	9
جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُونَ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.	10
اللَّهُمَّ أَدِّمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنكَ، لَوْلِي عَهْدِ سَلَاطُونَ، تَغْكَوْ أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج،	11
فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمَوْظُفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.	12
Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan menginfakkan harta pada Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) dan kepada anak-anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).	16
اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.	17



<p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢١﴾.</p>	18
<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾</p>	19
<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ وَأَشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	20